

Headline Kolej Risda Majukan Bidang Pertanian
Date 03. May 2008
Media Title Utusan Malaysia
Section Supplement
Circulation 238082
Readership 833287
Language MALAY
Page No 15b
Article Size 1134 cm2
Frequency Daily
Color Full Color



Kolej Risda

majukan bidang pertanian

SEKTOR pertanian akan terus di-pergiatkan sebagai jentera ketiga pertumbuhan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9).

Menyedari betapa pentingnya sektor pertanian untuk pembangunan negara, Kolej Risda menyediakan peluang untuk melanjutkan pelajaran di bidang pertanian.

Buat masa ini, Kolej Risda menawarkan dua program dalam bidang pertanian iaitu Diploma Pertanian dan Diploma Pengurusan Ladang iaitu program kerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Disamping itu juga program Pra-Diploma Sains ditawarkan sebagai feeder kepada program Diploma Pengurusan Ladang. Ketiga-tiga program ini dijalankan di kampus utama Kolej Risda iaitu di Ayer Pa'abas Melaka.

Pelaksanaan tiga program ini akan menambahkan lagi bilangan usahawan tani dan tenaga kerja profesional. Kursus-kursus baru dalam bidang pertanian sedang diusahakan untuk mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi iaitu program Diploma Pengurusan Landskap dan Hortikultur dan Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan.

Program Diploma Pertanian merupakan program kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kualiti pembelajaran adalah dipantau dan dikawal selia oleh pihak UPM. Graduan yang dilahirkan merupakan graduan yang diiktiraf oleh UPM serta selaras dengan kehendak pasaran kerjaya di masa depan.

Graduan yang dilahirkan diploma ini juga, semua graduannya adalah layak untuk melanjutkan pelajaran di mana-mana IPTA yang menawarkan kursus lanjutan di bidang pertanian.

Bermula sesi pengambilan Julai 2008, Kolej Risda menawarkan program Diploma Pengurusan Ladang dan Pra-Diploma Sains. Program ini merupakan program kerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kolej Risda juga merupakan Kolej Bersekutu UiTM.

Graduan yang dilahirkan merupakan graduan yang diiktiraf oleh UiTM serta selaras dengan kehendak pasaran kerjaya di masa depan. Program Pra-Diploma Sains merupakan 'feeder' kepada program Diploma Pengurusan Ladang di mana program ini membuka ruang kepada lepasan SPM dan STPM yang tidak mempunyai kelayakan mencukupi untuk mengikuti program Diploma Pengurusan Ladang mereka ini akan mengikuti program Pra-Diploma Sains selama setahun sebagai layuan ke

Diploma Pengurusan Ladang. Kedua-dua program ini juga telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan dalam proses untuk mendapatkan kelulusan penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kualiti pembelajaran adalah dipantau dan dikawal selia oleh pihak UiTM.

Selain daripada itu, Kolej Risda menawarkan program diploma dan pra-diploma yang telah mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi dan MQA. Kesemua program tersebut dijalankan di Kolej RISDA Melaka.

Program yang ditawarkan seperti Diploma Sains Komputer (UPM), Diploma Pengurusan Perniagaan (UPM), Diploma Perakaunan, Diploma Keusahawanan, Pra-Diploma Sains Komputer dan Pra-Diploma Pengurusan Perniagaan.

Teknologi moden

Kolej Risda merupakan kampus panaromik yang dikelilingi dengan kemudahan lengkap menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, kawasan ladang dan kawasan amali yang luas untuk aktiviti pertanian serta kemudahan lain seperti jentera dan peralatan pertanian, kelengkapan makmal sains termasuk sains tumbuhan dan tanah, perpustakaan dan makmal komputer. Kelebihan Kolej Risda adalah merupakan satu-satunya IPTS yang menjalankan kursus pertanian diperingkat diploma setakat ini.

Bagi melahirkan graduan yang berkualiti, Kolej Risda menyediakan tenaga pengajar yang berpengalaman dan komited dengan menggunakan kaedah pembelajaran yang lebih praktikal.

Mengikut keputusan peperiksaan semester 2007 baru-baru ini, pelajar dari program Diploma Pertanian Kolej Risda telah diumumkan sebagai pelajar terbaik keseluruhan di antara semua Institut Pengajian Tinggi Swasta yang menjalankan program kerjasama dengan UPM dalam Majlis Konvokesyen UPM yang Ke Sembilan pada 30 Ogos lalu. Pada tahun 2007, Kolej Risda telah melahirkan 69 graduan pertama dalam program Diploma Pertanian.

Daripada jumlah tersebut 80 peratus graduan telah mendapat pekerjaan dan yang selebihnya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Masa kini, penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian sedang dilaksanakan secara meluas oleh usahawan tani yang terdiri dari siswazah universiti tempatan yang berminat



PENEDEHAHAN dalam bidang pertanian akan melahirkan usahawan tani di era moden.

dalam bidang pertanian. Projek pertanian yang memanfaatkan teknologi fetigasi sangat sesuai untuk tanaman komersial seperti tomat, cili dan timun jepun. Program ini sedang dipantau dan dibimbing oleh agensi kerajaan seperti Mardi, Jabatan Pertanian, Bank Pertanian dan Lembaga Kemajuan Wilayah negeri-negeri.

Tidak mustahil graduan-graduan lepasan Kolej Risda juga melibatkan diri dalam program seperti ini dan seterusnya dapat memanfaatkan pertanian sebagai satu perniagaan.

Pada masa yang sama, Kolej Risda melaksanakan tanggungjawab dalam usaha pembangunan modal insan dalam sektor pertanian. Usaha Kolej Risda ini adalah salah satu langkah dalam memajukan sektor pertanian terus berupaya menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Keseluruhan

Di Kolej Risda bidang pertanian kian meraih perhatian sejak kerajaan mengumumkan ia akan dijadikan antara penjana utama ekonomi negara. Setiap sesi pengambilan bilangan pelajar yang mendaftar dalam program Diploma Pertanian semakin meningkat sehingga kini peratusan mencecah lebih dari 50 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar di Kolej Risda yang terdiri daripada tujuh program pengajian.

Memilih program diploma yang tepat dan sesuai adalah penting kepada lepasan SPM/SPMV dan STPM.

Program diploma telahpun mendapat pengiktirafan yang memudahkan pelajar mendapatkan penajaan dan pembiayaan bagi pengajian mereka daripada badan penajaan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN),

Mara dan sebagainya. Pembiayaan dan penajaan akan diuruskan oleh Kolej Risda bagi pelajar yang layak. Sebanyak 98 peratus pelajar yang mengikuti pengajian di Kolej Risda sekarang mendapat pembiayaan dan penajaan.

Kolej Risda juga menekankan pembinaan sahsiah dan jati diri para pelajar. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah program kokurikulum seperti bina semangat, persatuan-persatuan, aktiviti-aktiviti

agama, sukan, pasukan beruniform.

Selain itu, bagi memenuhi kehendak generasi kedua pekebun kecil dan masyarakat luar bandar, Kolej Risda juga menguruskannya kursus-kursus kemahiran jangka pendek dalam bidang kecantikan, jahitan, perkapalan, baik pulih telefon bimbit, juruelektrik, kimpalan, bakeri & pastri dan membaik pulih komputer dan sebagainya dengan pembiayaan dari Risda dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW).

Kolej Risda juga akan membuat hari pendaftaran terbuka di beberapa tempat seperti di jadual. Pendaftaran bermula dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Sila bawa bersama salinan sijil-sijil (SPM/STPM/sijil), kad pengenalan, sijil lahir dan sijil berhenti sekolah/tamat pengajian yang telah disahkan bagi tujuan tersebut. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di talian 03-42571677 / 42572677 (Kolej RISDA Ibu Pejabat) dan 06-5529227 / 5529642 (Kolej Risda Melaka) atau layari laman web www.kolejrisda.edu.my.

Pendaftaran terbuka bagi sesi pengambilan Julai 2008

- 5 & 6 Mei 2008 (Isnin & Selasa) ● Pejabat Risda Negeri Pulau Pinang, No. 532, Bagan Lebai Taher, 12990 Butterworth, Pulau Pinang - Tel: 04-3238285
- 7 & 8 Mei 2008 (Rabu & Khamis) ● Pejabat Risda Negeri Perlis, 64-G, Jalan Raja Syed Alwi, 01990 Kangar/Perlis - Tel: 04-9762544
- 12 & 13 Mei 2008 (Isnin & Selasa) ● Pejabat Risda Negeri Kedah, Bangunan Risda, Jalan Telok Wanjah, 05990 Alor Star, Kedah - Tel: 04-733 1722
- 14 & 15 Mei 2008 (Rabu & Khamis) ● Pejabat Risda Daerah Baling, Jalan Mahmud, 09100 Baling, Kedah - Tel: 04-470 1264
- 21 & 22 Mei 2008 (Rabu & Khamis) ● Pejabat Risda Daerah Batang Padang / Hilir Perak, No.30 Jalan Raja, 35000 Tapah, Perak - Tel: 05-401 3203
- 26 & 27 Mei 2008 (Isnin & Selasa) ● Pejabat Risda Negeri Perak, No. 31 & 33 Persiaran Greentown 4, Pusat Perdagangan Greentown, 31450 Ipoh, Perak. - Tel: 05-5541 3723
- 3 & 4 Jun 2008 (Selasa & Rabu) ● Pejabat Risda Negeri Terengganu, 20700 Jalan Sultan Ismail, Terengganu. - Tel: 09-622 2766
- 9 & 10 Jun 2008 (Isnin & Selasa) ● Pejabat Risda Daerah Dungun/Kemaman, Jalan Mustafa, 23000 Dungun, Terengganu. - Tel: 09-848 1215
- 16 & 17 Jun 2008 (Isnin & Selasa) ● Pejabat Risda Negeri Kelantan, Batu 2, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan. - Tel: 09-748 4077
- 18 & 19 Jun 2008 (Rabu & Khamis) ● Pejabat Risda Daerah Jajahan, Kelantan Tengah, Jalan Pejabat, 17500 Tanah Merah, Kelantan. - Tel: 09-955 6006